

# SIJIL TAKAFUL PERALATAN – Bergerak

## EQUIPMENT TAKAFUL CERTIFICATE – Mobile

**Bagi Kontrak Takaful Pengguna (Takaful sepenuhnya yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion)**  
**For Consumer Takaful Contracts (Takaful wholly for purposes unrelated to the Participant's trade, business or profession)**

Sijil ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari caruman yang ditentukan dalam Jadual Sijil dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Cadangan Peserta (atau semasa Peserta memohon Takaful ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh Peserta pada atau semasa penyerahan Borang Cadangan Peserta (atau semasa Peserta memohon Takaful ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang Peserta berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak Takaful antara Peserta dan **ZURICH GENERAL TAKAFUL MALAYSIA BERHAD** (selepas ini dirujuk sebagai "Pengendali Takaful"). Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan Peserta atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh Peserta, hanya remedi yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.

*This Certificate is issued in consideration of the contribution made as specified in the Certificate Schedule and pursuant to the answers given in the Participant's Proposal Form (or when the Participant applied for this Takaful) and any other disclosures made by the Participant between the time of submission of the Participant's Proposal Form (or when the Participant applied for this Takaful) and the time this contract is entered into. The answers and any other disclosures given by the Participant shall form part of this contract of Takaful between the Participant and **ZURICH GENERAL TAKAFUL MALAYSIA BERHAD** (hereinafter called "the Takaful Operator"). However, in the event of any pre-contractual misrepresentation made in relation to the Participant's answers or in any disclosures given by the Participant, only the remedies in Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013 will apply.*

Sijil ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak Takaful seperti yang telah dipersetujui antara Peserta dan pihak Pengendali Takaful. *This Certificate reflects the terms and conditions of the contract of Takaful as agreed between the Participant and the Takaful Operator.*

**Bagi Kontrak Takaful Komersial (Takaful bagi tujuan perdagangan, perniagaan atau profesion)**  
**For Non - Consumer Takaful Contracts (Takaful for purposes related to the Participant's trade, business or profession)**

Sijil ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari caruman yang ditentukan dalam Jadual Sijil dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Cadangan Peserta (atau semasa Peserta memohon Takaful ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh Peserta pada atau semasa penyerahan Borang Cadangan Peserta (atau semasa Peserta memohon Takaful ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang Peserta berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak Takaful antara Peserta dan **ZURICH GENERAL TAKAFUL MALAYSIA BERHAD** (selepas ini dirujuk sebagai "Pengendali Takaful"). Sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan Peserta atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh Peserta, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful Peserta, keengganan atau pengurangan ganti rugi Peserta, perubahan terma-terma atau penamatan kontrak Takaful Peserta.

*This Certificate is issued in consideration of the contribution made as specified in the Certificate Schedule and pursuant to the answers given in the Participant's Proposal Form (or when the Participant applied for this Takaful) and any other disclosures made by the Participant between the time of submission of the Participant's Proposal Form (or when the Participant applied for this Takaful) and the time this contract is entered into. The answers and any other disclosures given by the Participant shall form part of this contract of Takaful between the Participant and **ZURICH GENERAL TAKAFUL MALAYSIA BERHAD** (hereinafter called "the Takaful Operator"). In the event of any pre-contractual misrepresentation made in relation to the Participant's answers or in any disclosures made by the Participant, it may result in avoidance of the Participant's contract of Takaful, refusal or reduction of the Participant's claim(s), change of terms or termination of the Participant's contract of Takaful.*

Sijil ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak Takaful seperti yang telah dipersetujui antara Peserta dan pihak Pengendali Takaful. *This Certificate reflects the terms and conditions of the contract of Takaful as agreed between the Participant and the Takaful Operator.*

Sekiranya terdapat baki dalam Akaun Pelaburan Risiko Am (**APRA**) yang tidak mencukupi untuk membayar bagi manfaat-manfaat Takaful Anda semasa Tempoh Takaful, Kami akan membuat keseimbangan dalam **APRA** di bawah kontrak Qard (pinjaman) jika kekurangan bukan disebabkan oleh kecuaihan Kami. Walau bagaimanapun jika kekurangan tersebut disebabkan oleh kecuaihan Kami, Kami akan membuat pindahan secara langsung. Anda seterusnya bersetuju bahawa lebih masa depan Anda yang diperolehi daripada **APRA** semasa Tempoh Takaful Anda boleh digunakan untuk membayar tunggakan Qard dalam **APRA** (jika ada) kepada Kami.

*In the event of insufficient balance in General Risk Investment Account (**GRIA**) to pay for Your Takaful Benefits during the Period of Takaful, We will make good the balance in the **GRIA** under the principle of Qard (loan) provided that the insufficiency is not due to Our negligence. If the insufficiency is due to Our negligence, We will make an outright transfer for the insufficiency. You further agree that Your future surplus arising from the **GRIA** during Your Takaful period can be used to pay for outstanding Qard in **GRIA** (if any) to Us.*

## **KEWAJIPAN PENDEDAHAN DUTY OF DISCLOSURE**

### **PENGGUNA / CONSUMER**

Apabila Peserta telah memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion, Peserta mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam Borang Cadangan (atau semasa Peserta memohon Takaful ini) iaitu Peserta perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful Peserta, keengganan atau pengurangan gantirugi Peserta, perubahan terma-terma atau penamatan kontrak Takaful Peserta selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

*Where the Participant has applied for this Takaful wholly for purposes unrelated to the Participant's trade, business or profession, the Participant has a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form (or when the Participant applied for this Takaful) i.e. the Participant should have answered the questions fully and accurately. Failure to have taken reasonable care in answering the questions may result in avoidance of the Participant's contract of Takaful, refusal or reduction of the Participant's claim(s), change of terms or termination of the Participant's contract of Takaful in accordance with the remedies in Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013.*

Peserta juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang Peserta tahu akan mempengaruhi keputusan pihak Pengendali Takaful dalam menerima risiko dan menentukan kadar-kadar dan terma-terma yang akan dikenakan.

*The Participant is also required to disclose any other matter that the Participant knows to be relevant to the Takaful Operator's decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied.*

Peserta juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Pengendali Takaful dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful Peserta ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Pengendali Takaful, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa Peserta memohon Takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

*The Participant also has a duty to tell the Takaful Operator immediately if at any time after the Participant's contract of Takaful has been entered into, varied or renewed with the Takaful Operator any of the information given in the Proposal Form (or when the Participant applied for this Takaful) is inaccurate or has changed.*

Jika Anda tidak memberikan maklumat ini dengan sepenuhnya dan sejujurnya, perlindungan ini mungkin tidak sah atau Sijil mungkin tidak melindungi Anda dengan sepenuhnya.

*If you do not fully and faithfully provide this information, the Takaful may not be valid or the Certificate may not cover You fully.*

### **KOMERSIAL / NON-CONSUMER**

Apabila Peserta telah memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion, Peserta mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Peserta tahu yang akan mempengaruhi keputusan Pengendali Takaful dalam menerima risiko dan menentukan kadar-kadar dan terma-terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka sebagai relevan, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful Peserta, keengganan atau pengurangan gantirugi Peserta, perubahan terma-terma atau penamatan kontrak Takaful Peserta.

*Where the Participant has applied for this Takaful wholly for purposes related to the Participant's trade, business or profession, the Participant has a duty to disclose any matter that the Participant knows to be relevant to the Takaful Operator's decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied and any matter a reasonable person in the circumstances could be expected to know to be relevant otherwise it may result in avoidance of the Participant's contract of Takaful, refusal or reduction of the Participant's claim(s), change of terms or termination of the Participant's contract of Takaful.*

Peserta juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Pengendali Takaful dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful Peserta ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Pengendali Takaful, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa Peserta memohon Takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

*The Participant also has a duty to tell the Takaful Operator immediately if at any time after the Participant's contract of Takaful has been entered into, varied or renewed with the Takaful Operator any of the information given in the Proposal Form (or when the Participant applied for this Takaful) is inaccurate or has changed*

**Maka Sijil ini Menyaksikan** bahawa jika pada sebarang masa ketika Tempoh Takaful yang dinyatakan di Jadual atau pada tempoh selepasnya, yang mana pihak Pengendali Takaful menerima bayaran bagi pembaharuan atau lanjutan Sijil ini, tertakluk kepada Terma-terma, Pengecualian-pengecualian, Had-had dan Syarat-syarat yang terkandung atau disahkan atau dilampirkan di sini.

**Now this Certificate Witnesseth** that if at any time during the Period of Takaful stated in the Schedule hereto or during any further period for which the Takaful Operator may accept contribution for the renewal or extension of this Certificate, subject to the Terms, Exceptions, Limits and Conditions contained herein or endorsed hereon or attached here to

Pengendali Takaful akan menanggung kerugian atau kerosakan Peralatan yang dialami oleh Peserta seperti yang seperti yang dikhususkan dalam Jadual:

*The Takaful Operator will indemnify the Participant against loss or damage to the Equipment specified in the Schedule:*

- (a) akibat perlanggaran atau terbalik akibat kemalangan atau perlanggaran atau terbalik akibat kerosakan mekanikal atau akibat kehausan dan kelusuhan;  
*by accidental collision or overturning or collision or overturning consequent upon mechanical breakdown or consequent upon wear and tear;*
- (b) akibat kebakaran letupan luaran yang meletus sendiri atau kilat;  
*by fire external explosion self ignition or lightning;*

- (c) akibat kecurian;  
*by theft;*
- (d) akibat perbuatan berniat jahat.  
*by malicious act.*

Di atas pilihan sendiri, Pengendali Takaful mungkin membuat pembayaran dalam bentuk tunai bagi kerugian atau kerosakan yang dialami atau mungkin memperbaiki, memulih atau mengganti Peralatan berkenaan atau mana-mana bahagiannya atau aksesori standardnya atau alat gantinya, namun tanggungan Pengendali Takaful tidak boleh melebihi nilai alat ganti yang hilang atau rosak jika kos yang munasabah bagi memasang atau memperbaiki alat ganti berkenaan.

*At its own option the Takaful Operator may contribute in cash the amount of the loss or damage or may repair, reinstate or replace the Equipment or any part thereof or its standard accessories or parts but the liability of the Takaful Operator shall not exceed the value of the parts lost or damaged and the reasonable cost of fitting or repairing such parts.*

**DENGAN SYARAT DALAM SEGALA HAL** bahawa tanggungan maksimum Pengendali Takaful bagi mana-mana satu peralatan dalam setiap kes tidak melebihi jumlah yang dilindungi bagi peralatan tersebut dan tanggungan maksimum Pengendali Takaful dalam setiap kes tidak melebihi Jumlah Keseluruhan Yang Dilindungi.

**PROVIDED ALWAYS THAT** the maximum liability of the Takaful Operator in respect of any Equipment shall not in any case exceed the Sum Covered against such item and that the maximum liability of the Takaful Operator shall not in any case exceed the Total Sum Covered.

#### **NOTIS TAKAFUL-TAKAFUL YANG LAIN/NOTICE OF OTHER TAKAFULS**

**Anda** dikehendaki memberitahu **Kami** tentang **Takaful** lain yang telah **Anda** beli ketika **Anda** membeli **Takaful** ini dan juga semasa **tempoh** perlindungan **Takaful** ini, yang melindungi mana-mana bahagian harta yang sama yang dilindungi di bawah **Sijil** ini.

You must inform Us of any other Takaful that You have subscribed at the time of participating this Takaful, and also during the period of this Takaful, covering any of the same property covered under this Certificate.

#### **PENGECUALIAN EXCLUSIONS**

Pengendali Takaful tidak akan bertanggungjawab terhadap:-

*The Takaful Operator shall not be liable for :*

1. Jumlah awal setiap dan segala kerugian atau kerosakan yang dinyatakan dalam Jadual sebagai Lebihan.  
*The first amount of each and every loss or damage described in the Schedule as the Excess.*
2. Kerugian dan kerosakan aksesori dan/atau alat ganti melainkan peralatan tersebut dicuri atau rosak pada masa yang sama.  
*Loss of or damage to accessories and/or parts unless the equipment is stolen or damaged at the same time.*
3. Sebarang kerugian dan kerosakan yang dialami:  
*Loss or damage sustained:*
  - a) di luar Had Wilayah yang dinyatakan dalam Jadual.  
*outside the Territorial Limit stated in the Schedule.*
  - b) sekiranya peralatan dilisenkan untuk kegunaan di jalan raya yang mana sijil Takaful Motor diperlukan.  
*if the equipment is licensed for road use and for which a certificate of Motor Takaful is required.*
  - c) sekiranya dalam transit (termasuk memuat dan memunggah).  
*whilst in transit (including loading and unloading).*
  - d) Semasa peralatan sedang digunakan untuk:  
*whilst the equipment is used:*
    - i) berlumba, menetapkan kelajuan, ujian kebolehpercayaan, demonstrasi atau ujian kelajuan.  
*for racing, pace-making, reliability, trial demonstration or speed testing.*
    - ii) membawa penumpang  
*for the carriage of passengers*
    - iii) menarik treler atau menunda sebarang kenderaan melainkan kenderaan berkenaan ditunda bukan untuk mendapatkan ganjaran.  
*whilst drawing a trailer or towing any vehicle unless such towed vehicle is not towed for reward.*
    - iv) urusan yang tidak berkaitan dengan perniagaan Peserta.  
*not in connection with the Participant's business.*
  - e) semasa peralatan dikendalikan oleh seseorang yang berada di bawah pengaruh arak atau dadah.  
*whilst the equipment is operated by anyone who is under the influence of intoxicating liquor or drugs.*
  - f) semasa peralatan digunakan di atas sebarang kenderaan pengangkutan air.  
*whilst the equipment is operated on board any waterborne vessel.*
4. Sebarang kerugian turutan atau tanggungan undang-undang.  
*Any consequential loss or legal liability what so ever.*
5. Kerugian atau kerosakan kepada rekod, filem atau pita selain daripada kerana kebakaran atau kecurian (hanya untuk nilai bahan yang masih belum digunakan).  
*Loss or damage to records films or tapes other than by fire or theft (and then only for the value as unused material).*
6. Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh :  
*Loss of or damage caused by :*

- a) sebarang kerosakan terpendam atau mekanikal, gangguan mekanikal, kegagalan kerosakan mekanikal atau elektrik, pecah, susut nilai, keadaan atmosfera atau kehausan dan kelusuhan dan sebarang punca operasi lain yang berlaku secara beransur-ansur.  
*any latent or mechanical defect, mechanical derangement, mechanical or electrical failures breakdown, breakage, depreciation, atmospheric conditions or wear and tear and any other gradually operating cause.*
- b) beban atau tekanan berlebihan.  
*overloading or strain.*
- c) letupan mana-mana dandang yang membentuk sebahagian atau disambungkan kepada atau pada harta yang dilindungi.  
*explosion of any boiler forming part of or attached to or on the property covered.*
- d) karat, kulapuk, rama-rama, binatang perosak atau yang berkaitan dengan sebarang proses membasuh, mewarna, membaiki, memulih, mengubahsuai atau membuka.  
*rust, mildew, moth, vermin or in connection with any process of cleaning, dyeing, repairing, restoring, renovating or dismantling.*
7. Kerugian atau kerosakan kepada :  
*Loss of or damage to :*
- a) tayar atau roda atau trek melainkan peralatan berkaitan juga rosak pada masa yang sama.  
*tyres or wheels or tracks unless the equipment is also damaged at the same time.*
- b) kanopi melainkan disebabkan oleh atau akibat daripada peralatan terbalik.  
*the canopy unless caused by or resulting from the overturning of the equipment.*
8. Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh, atau timbul daripada atau berlaku kerana atau dikesan kepada gempa bumi, ledakan gunung berapi, ribut, ribut kencang, banjir, penenggelaman bumi, tanah runtuh, taufan, hurikan atau sebarang bencana alam lain.  
*Loss or damage caused by or arising out of or contributed to by or traceable to earthquake, volcanic eruption, storm, tempest, flood, subsidence or landslide, typhoon, hurricane or other convulsion of nature.*
9. Kerugian atau kerosakan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, secara terus atau dari jarak jauh, berlaku kerana, disebabkan oleh atau dikesan kepada atau timbul daripada atau berkaitan dengan mana-mana kejadian berikut :  
*Loss or damage directly or indirectly, proximately or remotely occasioned by contributed to by or traceable to or arising out of or in connection with any of the following occurrences namely :*
- a) peperangan, serangan, tindakan musuh asing, pertempuran atau operasi berupa peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang sivil.  
*war, invasion, acts of foreign enemies, hostilities or warlike operations (whether war be declared or not) or civil war.*
- b) pemberontakan, mogok, rusuhan dan kekacauan awam, pemberontakan tentera awam, kebangkitan awam, keganasan, revolusi kekuasaan tentera, darurat atau sebarang keadaan atau punca yang menyebabkan pemerintahan tentera atau pengepungan.  
*mutiny, strike riot and civil commotion, military or popular rising, insurrection, rebellion, revolution, military or usurped power, martial law or state of siege or any of the event or causes which determine the proclamation or maintenance of martial law or state of siege.*
- c) sebarang tindakan oleh mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana pertubuhan yang kegiatannya bertujuan untuk menggulingkan dengan kekerasan sebarang Kerajaan yang wujud secara sah atau secara hakikatnya atau untuk mempengaruhi melalui keganasan dan kekacauan, atau pencurian, penjarahan atau rompakan berkaitan dengan sebarang kejadian yang tersebut di atas.  
*any act of any person acting on behalf of or in connection with any organization with activities directed towards the overthrow by force of the Government de jure or de facto or the influencing of it by terrorism or violence or loot sack or pillage in connection with any of the aforementioned occurrences.*
- d) kelewatan, rampasan, penyitaan atau penahanan oleh Pihak Berkuasa Kerajaan atau oleh sebarang kesan langsung atau tidak langsung mana-mana kejadian sedemikian dan sekiranya terdapat sebarang tuntutan di bawah ini, Peserta hendaklah membuktikan bahawa kerugian atau kerosakan tersebut timbul secara bebas dan tidak berkaitan langsung dengan atau disebabkan oleh atau berlaku kerana atau diakibatkan oleh kejadian sedemikian atau dikesan daripadanya dan sekiranya tiada bukti dikemukakan Pengendali Takaful tidak akan bertanggungjawab untuk membuat pembayaran bagi tuntutan tersebut.  
*delay, seizure, confiscation or detention by Government Authorities or by any direct or indirect consequences of any of the said occurrences and in the event of any claim hereunder the Participant shall prove that the loss or damage arose independently of and was in no way connected with or occasioned by or contributed to by or traceable to any of the said occurrences or any consequence thereof and in default of such proof the Takaful Operator shall not be liable to make any contribution in respect of such a claim.*
- e) sebarang perlakuan keganasan.  
*any act of terrorism.*
10. a) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung atau antara lain disebabkan oleh atau timbul daripada radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif daripada sebarang bahan api nuklear atau dari sebarang sisa nuklear dari pembakaran bahan api nuklear. Khusus bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran merangkumi sebarang proses pembelahan nuklear yang berkekalan sendiri.  
*Loss or damage directly or indirectly caused by or arising from or in consequence of or contributed to by ionizing radiation or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or from any nuclear waste from the combustion of nuclear fuel. For the purpose of this exception combustion shall include any self-sustaining process of nuclear fission.*
- b) Sebarang kerugian atau kerosakan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau antara lain disebabkan oleh bahan-bahan senjata nuklear.  
*Loss or damage directly or indirectly caused by or contributed to by or arising from nuclear weapons material.*

## **SYARAT-SYARAT CONDITIONS**

Sijil ini dan Jadualnya hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan sebarang perkataan atau pernyataan yang disertakan dengan makna khusus dalam mana-mana bahagian Sijil atau Jadual hendaklah membawa makna khusus yang sama di mana juga ia digunakan.  
*This Certificate and the Schedule shall be read together as one contract and any word or expression to which a specific meaning has been attached in any part of this Certificate or of the Schedule shall bear such specific meaning wherever it may appear.*

1. Peserta hendaklah mengambil segala langkah yang munasabah untuk keselamatan Harta Yang Dilindungi dan sebaik sahaja berlaku sebarang kejadian yang menimbulkan atau mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Sijil ini, Peserta hendaklah:  
*The Participant shall take all reasonable precautions for the safety of the Property Covered and immediately upon the happening of any event giving rise or likely to give rise to a claim under this Certificate, the Participant shall :*
  - (a) dalam kes kecurian atau kehilangan, melaporkan kepada pihak polis dan memberikan segala bantuan yang sewajarnya dalam usaha mencari dan menghukum mana-mana orang atau orang-orang yang bersalah dan mengesan serta mendapatkan semula Harta Yang Dilindungi.  
*in the case of theft or loss give notice to the police and render all reasonable assistance in causing the discovery and punishment of any guilty person or persons and in tracing and recovering the Property.*
  - (b) dalam semua kes, memberikan notis secara bertulis kepada Pengendali Takaful dalam tempoh 14 hari selepas kejadian tersebut menyerahkan kepada Pengendali Takaful tuntutan secara bertulis dan menyediakan segala butir-butir terperinci dan keterangan dalam bentuk dokumen atau selainnya untuk menyokong tuntutan tersebut yang secara munasabah diperlukan oleh Pengendali Takaful.  
*in all cases, give notice to the Takaful Operator in writing and within 14 days thereafter deliver to the Takaful Operator a claim in writing and supply all such detailed particulars and evidence documentary or otherwise in support of such claim as may be reasonably required by the Takaful Operator.*
2. Pengendali Takaful boleh pada bila-bila masa atas perbelanjaan sendiri menggunakan segala kaedah undang-undang di atas nama Peserta untuk mendapatkan semula mana-mana Harta Yang Dilindungi yang hilang dan Peserta hendaklah memberikan segala bantuan yang munasabah untuk tujuan tersebut. Sekiranya tuntutan telah dibayar di bawah Sijil ini untuk kehilangan mana-mana Harta Yang Dilindungi, ia akan menjadi hak milik Pengendali Takaful dan Peserta hendaklah mengesahkan segala penyerahan hak atau jaminan terhadap Harta Yang Dilindungi tersebut yang secara munasabah diperlukan namun Peserta tidak berhak melepaskan begitu sahaja mana-mana Harta Yang Dilindungi kepada Pengendali Takaful.  
*The Takaful Operator may at any time at its own expense use all legal means in the name of the Participant covered for recovery of any of the Property Covered lost and the Participant shall give all reasonable assistance for the purpose. The Takaful Operator shall be entitled to any Property Covered for the loss of which a claim is paid hereunder and the Participant shall execute all such assignments and Takaful of such Property Covered as may be reasonably required but the Participant shall not be entitled to abandon any Property Covered to the Takaful Operator.*
3. Jika pada waktu berlakunya sebarang kehilangan atau kerosakan yang dilindungi oleh Sijil ini, terdapat sebarang insurans/Takaful lain dalam apa-apa bentuk yang melindungi Harta Yang Dilindungi Peserta atau mana-mana bahagian daripadanya, sama ada diambil oleh Peserta atau tidak, maka Pengendali Takaful tidak akan bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbang lebih daripada bahagian bersekadarnya bagi sebarang kerugian kerugian atau kerosakan. Sebaik sahaja berlaku sebarang kerugian atau kerosakan sedemikian, Peserta hendaklah memberi notis kepada Pengendali Takaful mengenai semua insurans/Takaful lain yang diambil oleh Peserta atau bagi pihak peserta yang melindungi Harta Yang Dilindungi tersebut atau sebarang Harta Yang Dilindungi yang dilindungi di bawah Sijil ini dan tuntutan di bawah Sijil ini tidak akan dibayar oleh Pengendali Takaful sehingga notis sedemikian telah diterima oleh Pengendali Takaful. Setiap perkara yang diuraikan dalam Sijil ini tertakluk kepada syarat ini secara berasingan.  
*If at the time of the happening of any loss or damage covered by this Certificate there shall be subsisting any other insurance/Takaful of any nature whatsoever covering the Property Covered or any part thereof, Whether effected by the Participant or not then the Takaful Operator shall not be liable to contribute more than its rateable proportion of any loss or damage. Upon the happening of any such loss or damage, the Participant shall give notice to the Takaful Operator of all other Takaful effected by the Participant or on the Participant behalf covering the Property Covered under this Certificate shall be made by the Takaful Operator until such notice shall have been received by the Takaful Operator. Each item of this Certificate shall be separately subject to this condition.*
4. Jika tuntutan dibuat oleh atau bagi pihak Peserta yang dalam sebarang hal tidak berasas atau melibatkan penipuan atau sengaja ditokok tambah atau jika sebarang perakuan palsu dibuat untuk menyokongnya, atau jika sebarang kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh atau kerana tindakan sengaja atau dengan pengetahuan atau secara bersubahat dengan Peserta atau sesiapa yang bertindak bagi pihak Peserta, bayaran tidak akan dibuat terhadap tuntutan di bawah Sijil ini.  
*If a claim be made or on behalf of the Participant which shall be respect unfounded or fraudulent or intentionally exaggerated if any false declaration be made in support thereof or if any loss or damage be occasioned by or through the wilful act or with the knowledge or connivance of the Participant or any person acting on behalf of the Participant or the dishonest act of any person to whom the Equipment is entrusted, no claim shall be made under this Certificate.*
5. Semua jumlah yang dibayar di bawah Sijil ini dari masa ke masa dalam setiap Tempoh Takaful akan dikira sebagai ditolak daripada Jumlah yang dilindungi masing-masing supaya dalam mana-mana satu Tempoh Takaful jumlah wang perlu dibayar oleh Pengendali Takaful tidak melebihi jumlah yang ditetapkan bagi setiap perkara dalam senarai Harta Yang Dilindungi atau Jumlah Yang Dilindungi secara keseluruhan.  
*All sums which may from time to time be paid under this Certificate during each Period of Takaful shall be accounted in diminution of the respective Sums Covered so that during anyone Period of Takaful the total sum made by the Takaful Operator shall not exceed the sum set opposite each item of the Property or in the whole the Total Sum Covered.*
6. Tuntutan di bawah Sijil ini tidak akan dibayar jika faedah di bawah kontrak yang terkandung di sini diserahkan kepada sesiapa selain daripada Peserta, melainkan kebenaran secara bertulis Pengendali Takaful untuk berbuat demikian diperolehi terlebih dahulu.  
*No claim shall be recoverable hereunder if the benefit of the contract herein contained shall become vested in any person other than the Participant unless the written consent of the Takaful Operator thereto be first obtained.*

7. Jika pada masa berlaku sebarang kejadian yang boleh menimbulkan tuntutan di bawah Sijil ini nilai secara kolektif Harta Yang Dilindungi adalah lebih besar daripada Jumlah Yang Dilindungi, maka Peserta hendaklah dianggap sebagai menanggung sendiri perbezaannya dan hendaklah menanggung bahagian bersekadar kerugian yang sewajarnya. Setiap perkara yang disenaraikan dalam Sijil ini hendaklah tertakluk kepada syarat ini secara berasingan.  
*If the Property Covered shall at the time of any event giving rise to a claim under this Certificate be collectively of greater value than the sum covered thereon then the Participant shall be considered as being his own insurer for the difference and shall bear a rateable proportion of the loss accordingly. Every item of this Certificate shall be separately subject to this Condition.*
8. Pengendali Takaful berhak untuk mengambil alih atas nama dan bagi pihak Peserta kuasa mutlak untuk menjalankan, mengawal, dan menyelesaikan sebarang prosiding dan mengambil tindakan atas perbelanjaan sendiri dan untuk faedahnya sendiri tetapi atas nama Peserta untuk menuntut pampasan atau mendapatkan ganti rugi daripada mana-mana pihak ketiga terhadap apa-apa yang dilindungi oleh Sijil ini.  
*The Takaful Operator shall be entitled to undertake in the name and on behalf of the Participant the absolute conduct control and settlement of any proceedings and to take proceedings at its own expense and for its own benefit but in the name of the Participant to recover compensation or secure indemnity from any third party in respect of anything covered by this Certificate.*
9. Pengendali Takaful pada bila-bila masa, dengan memberi notis 7 hari kepada Peserta menerusi surat berdaftar ke alamat terakhir yang diketahui oleh Pengendali Takaful, mempunyai hak sepenuhnya untuk membatalkan Sijil ini dengan syarat sekiranya ini berlaku Pengendali Takaful hendaklah, apabila diminta, memulangkan kepada Peserta bahagian bersekadar caruman berkaitan dengan Tempoh Takaful yang belum lupus. Sijil ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Peserta dengan memberikan notis 7 hari kepada Pengendali Takaful dan sekiranya ini berlaku Peserta adalah berhak mendapat bayaran balik caruman setelah ditolak caruman dikira pada Kadar Jangka Pendek Pengendali Takaful bagi tempoh Sijil berkaitan telah berkuatkuasa dalam Tempoh Takaful semasa.  
*The Takaful Operator at any time by giving 7 days notice to the Participant by registered letter at the Participant's address as last known to the Takaful Operator be at liberty to cancel this Certificate provided that the Takaful Operator shall in that event on demand return to the Participant a proportionate part of the contribution corresponding to the unexpired Period of Takaful. This Certificate may be cancelled at any time by the Participant on 7 days notice to the Takaful Operator and in such an event the Participant shall be entitled to a return of the Contribution less contribution at the Takaful Operator's Short Period Rates for the time the Certificate has been in force during the then current Period of Takaful.*
10. Segala percanggahan yang timbul daripada Sijil ini hendaklah diputuskan oleh seorang penimbangtara yang dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah, atau jika mereka tidak bersetuju dengan Penimbangtara Tunggal, akan diputuskan oleh dua Penimbangtara yang masing-masing dilantik secara bertulis oleh kedua pihak dalam tempoh satu bulan kalendar selepas diperlukan berbuat demikian secara bertulis oleh salah satu pihak, atau seandainya kedua-dua penimbangtara tidak boleh mencapai persetujuan maka ia hendaklah diputuskan oleh seorang Pengadil yang dilantik secara bertulis oleh kedua Penimbangtara sebelum mendengar perkara yang dirujuk. Pengadil akan duduk bersama kedua Penimbangtara dan mempengerusikan mesyuarat mereka dan satu keputusan mesti dibuat sebagai syarat sebelum mana-mana pihak berhak mengambil tindakan terhadap Pengendali Takaful. Jika Pengendali Takaful menolak tanggungan kepada Peserta terhadap sebarang tuntutan di bawah Sijil ini dan tuntutan tersebut tidak dirujuk untuk penimbangtaraan di bawah peruntukan yang terkandung di sini dalam tempoh dua belas bulan kalendar dari tarikh penolakan tanggungan tersebut, maka tuntutan tersebut akan dianggap sebagai diabaikan dan tidak boleh diteruskan selepas itu di bawah Sijil ini.  
*All differences arising out of this Certificate shall be referred to the decision of an Arbitrator to be appointed in writing by the parties in difference or if they cannot agree upon a single Arbitrator to the decision of two Arbitrators one to be appointed in writing by each of the parties within one calendar month after having required in writing to do so by either of the parties or in case the Arbitrators do not agree of an Umpire appointed in writing by the Arbitrators before entering upon the reference. The Umpire shall sit with the Arbitrators and preside at their meetings and the making of an award shall be a condition precedent to any right of action against the Takaful Operator. If the Takaful Operator shall disclaim liability to the Participant for any claim hereunder and such claim shall not within twelve calendar months form the date of such disclaimer have been referred to arbitration under the provisions herein contained then the claim shall for all purposes be deemed to have been abandoned and shall not thereafter be recoverable hereunder.*
11. Adalah menjadi syarat sebelum Pengendali Takaful menerima sebarang tanggungan untuk sebarang pembayaran di bawah Sijil ini, Peserta dengan sewajarnya mematuhi dan memenuhi Terma-terma, Syarat-syarat dan Pengendorsan-pengendorsan kepada Sijil ini, setakat yang melibatkan apa yang harus dilakukan atau dipatuhi olehnya dan kebenaran kenyataan dan jawapan-jawapan yang diberikan dalam Cadangan.  
*The due observance and fulfillment of the Terms, Conditions and Endorsements of this Certificate by the Participant in so far as they relate to anything to be done or complied with by him and the truth of the statements and answers in the said proposal shall be conditions precedent to any liability of the Takaful Operator to make any contribution under this Certificate.*
12. Syarat penting dan mutlak khusus bagi Sijil ini ialah bahawa caruman tertunggak mestilah dibayar dan diterima oleh Pengendali Takaful dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Sijil / Pengendorsan / Sijil Pembaharuan. Jika syarat ini tidak dipatuhi maka Sijil ini dibatalkan secara automatik dan Pengendali Takaful adalah berhak terhadap caruman pro-rata dalam tempoh mereka menanggung risiko. Sekiranya caruman yang perlu dibuat selaras dengan waranti ini diterima oleh ejen sah Pengendali Takaful, pembayaran hendaklah dianggap diterima oleh Pengendali Takaful untuk tujuan waranti ini dan tanggungjawab bahawa caruman yang dibuat telah diterima oleh wakil sah Pengendali Takaful, termasuk Ejen Pengendali Takaful, yang tidak diberi kuasa untuk menerima caruman tersebut, hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Pengendali Takaful. Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini.  
*It is fundamental and absolute special condition of this Certificate that the contribution due must be made and received by the Takaful Operator within sixty (60) days from the inception date of this Certificate / Endorsement / Renewal Certificate. If this condition is not complied with then this Certificate is automatically cancelled and the Takaful Operator shall be entitled to the pro-rata contribution on the period they have been on risk. Where the contribution made pursuant to this warranty is received by an authorised agent of the Takaful Operator, the contribution shall be deemed to be received by the Takaful Operator for the purposes of this warranty and the onus of proving that the contribution made was received by a Takaful Operator authorized representative, including a Takaful Agent, who was not authorized to receive such contribution shall lie on the Takaful Operator. Subject otherwise to the terms and conditions of this Certificate.*

13. Pengendali Takaful akan menguruskan caruman Takaful Anda dengan mengenakan Yuran Wakalah seperti yang diluluskan oleh pihak berkuasa di bawah prinsip Wakalah, dan seterusnya ditempatkan ke dalam dana Takaful melalui satu akaun khas dikenali sebagai Akaun Pelaburan Risiko Am (APRA). Jika pada akhir tempoh Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual yang dilampirkan bersama Sijil, terdapat lebih bersih di dalam APRA, lima puluh peratus (50%) daripada lebih bersih tersebut akan dikongsi di bawah kontrak Hibah secara berkadar oleh Peserta-Peserta yang tidak membuat sebarang tuntutan dan/atau menerima apa-apa manfaat di bawah kelas risiko yang sama seperti yang dinyatakan di dalam Jadual tersebut sementara Sijil tersebut berkuatkuasa.

*Takaful Operator will manage Your Takaful contributions by charging a Gross Wakalah Fee as approved by the regulatory authorities under the principle of Wakalah, and subsequently continue to be placed into Takaful fund through General Risk Investment Account (GRIA). If at end of the period of Takaful stated in the Schedule attached to the Certificate, there is a net surplus in the GRIA, fifty percent (50%) of the net surplus shall be shared under the contract of Hibah proportionately among Participants that have not incurred any claim and/or not received any benefits under the same class of risk as stated in the aforesaid Schedule whilst the Certificate is in force.*

Semua peserta yang memperbaharui Sijil selepas tamat tempoh dan tidak membuat sebarang tuntutan semasa tempoh perlindungan sebelumnya adalah layak untuk menerima agihan lebihan.

*All retail participants who renew the Certificate after expiry and have not incurred any claims during the previous coverage period are eligible for surplus distribution.*

Semua peserta korporat yang memperbaharui Sijil selepas tamat tempoh dan tidak membuat tuntutan melebihi 30% daripada jumlah caruman semasa tempoh perlindungan sebelumnya adalah layak untuk menerima agihan lebihan.

*All corporate participants who renew the Certificate after expiry and have not incurred any claims more than 30% of gross contribution during the previous coverage period are eligible for surplus distribution.*

**NOTIS PENTING DIGUNAPAKAI DAN MENJADI SEBAHAGIAN DARI SIJIL INI**  
**IMPORTANT NOTICES APPLICABLE TO AND FORM PART OF THIS CERTIFICATE**

**NOTIS DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (PDPA)**

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang mengawal selia pemrosesan data peribadi dalam transaksi komersial, berkuat kuasa ke atas Kami/Zurich General Takaful Malaysia Berhad (selepas ini dirujuk sebagai "Pengendali Takaful"). Anda boleh membuat pertanyaan, aduan, permintaan mengakses, mengemas kini, membetulkan atau mengubah mana-mana data peribadi anda, menghadkan pemrosesan data peribadi dan/atau under memilih keluar daripada penggunaan Kami/Pengendali Takaful pada bila-bila masa selepas ini dengan mengemukakan permintaan tersebut kepada kami dengan menghantar e-mel ke [callcentre@zurich.com.my](mailto:callcentre@zurich.com.my). Permintaan untuk memilih keluar mesti menyatakan dengan jelas nama penuh, nombor dokumen pengenalan, nombor sijil, nombor telefon dan alamat orang yang membuat permintaan tersebut.

Pemrosesan data peribadi anda tertakluk kepada Notis Perlindungan Data Peribadi Kami/Zurich General TakafulT Malaysia Berhad, seperti yang di terbitkan di <https://www.zurich.com.my/pdpa>.

**NOTICE UNDER PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010 (PDPA)**

*The Personal Data Protection Act 2010 which regulates the processing of personal data in commercial transactions, applies to Us/Zurich General Takaful Malaysia Berhad ("hereinafter referred to as "the Company"). You may make inquiries, complaints, request for access, update, correct or change any of your personal data, limit the processing of your personal data and/or to opt-out of Our/the Company use at any time hereafter by submitting such request to us by sending an email to [callcentre@zurich.com.my](mailto:callcentre@zurich.com.my).*

*Requests for opt-out must state clearly the full name, identity document number, policy number, telephone number and address of the person making such request.*

*The processing of your personal data is subject to Our/Zurich General Takaful Malaysia Berhad's Personal Data Protection Notice as published on <https://www.zurich.com.my/pdpa>.*

**PENGURUSAN JUMLAH KECIL / TREATMENT OF SMALL AMOUNT**

Jumlah Kecil bermaksud sebarang jumlah kurang daripada Sepuluh Ringgit Malaysia (RM10) yang timbul dari lebihan caruman, pembatalan, perkongsian lebihan atau tuntutan yang akan dibuat selain melalui pembayaran elektronik. Jumlah Kecil akan disalurkan untuk kebajikan. Bagaimanapun, jika Anda membuat keputusan sebaliknya, Anda perlu mengemukakan permohonan formal kepada Kami.

Kami mungkin akan mengkaji semula kebolehlaksanaan jumlah kecil yang dinyatakan di atas dan sebarang pertukaran kepada jumlah tersebut akan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Syariah Kami.

*Small Amount shall mean any amount below Ringgit Malaysia Ten (RM10) arises from contribution excess, cancellation, surplus distribution or claims that are to be made other than by way of electronic payment. The Small Amount shall be channeled to charity. However, if You decide otherwise, You are required to submit a formal request to Us.*

*We may review the applicability of the above stated small amount and any change to the amount will be subjected to Our Shariah Committee approval.*



## **CUKAI / TAX PROVISION**

Semua caruman dan yuran di bawah Sijil ini mungkin tertakluk kepada Cukai. Sekiranya Cukai dikenakan, ia akan dinyatakan dalam invoice dan **Zurich General Takaful Malaysia Berhad** berhak untuk menuntut atau mengutip Cukai daripada Peserta sebagai tambahan kepada caruman dan/atau yuran yang perlu dibayar di bawah Sijil ini.

*All contribution and fees that should be made under this Certificate may be subject to Tax. If Tax is imposed, it will be stated in the invoice and Zurich General Takaful Malaysia Berhad reserves the right to claim or collect the Tax from the Participant in addition to the contribution and/or fees that should be made under this Certificate.*

Cukai ialah apa-apa bayaran semasa atau akan datang langsung atau tidak langsung, cukai, levi atau duti termasuk cukai penggunaan atau apa-apa cukai seumpamanya, yang dikenakan kepada barangan atau perkhidmatan oleh kerajaan atau pihak berkuasa percukaian.

*Tax shall mean any present or future, direct or indirect, tax, levy or duty, including consumption tax or any tax of similar nature, which is imposed on goods and services by government or tax authority.*

## **PENYELESAIAN PERTIKAIAN / DISPUTE RESOLUTION**

Untuk sebarang pertikaian anda boleh mendapatkan penimbangtaraan untuk kes anda. Anda boleh menghubungi :-

*In the event of any dispute, you may seek arbitration for your case. You may contact :-*

- |  |  |  |
|--|--|--|
| <p>i) <b>Zurich General Takaful Malaysia Berhad</b><br/>Level 23A, Mercu 3,<br/>No. 3, Jalan Bangsar,<br/>KL Eco City,<br/>59200 Kuala Lumpur,<br/>Malaysia.<br/>Tel : 603-21096000<br/>Fax : 603-21096888<br/>Email: <a href="mailto:callcentre@zurich.com.my">callcentre@zurich.com.my</a><br/>Website: <a href="http://www.zurich.com.my">www.zurich.com.my</a></p> | <p>ii) <b>Ombudsman for Financial Services (OFS) (Formerly known as Financial Mediation Bureau)</b><br/>Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia,<br/>No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,<br/>50000 Kuala Lumpur.<br/>Tel : 603-2272 2811 Fax : 603-2272 1577<br/>Email : <a href="mailto:enquiry@ofs.org.my">enquiry@ofs.org.my</a><br/>Website : <a href="http://www.ofs.org.my">www.ofs.org.my</a></p> | <p>iii) <b>Contact Centre (BNMTELELINK)</b><br/>Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)<br/>Bank Negara Malaysia<br/>P.O.Box 10922,<br/>50929 Kuala Lumpur.<br/>Tel : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)<br/>Fax : 03-2174 1515<br/>Email : <a href="mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my">bnmtelelink@bnm.gov.my</a></p> |
|--|--|--|

**PENGENDORAN, KLAUSA DAN WARANTI AKAN TERPAKAI PADA DAN MENJADI SEBAHAGIAN DARI SIJIL JIKA DISEBUTKAN SECARA KHUSUS DALAM JADUAL ATAU YANG DIENDOR PADANYA**  
**ENDORSEMENTS, CLAUSES AND WARRANTIES SHALL APPLY TO AND FORM PART OF THIS CERTIFICATE WHEN SPECIFICALLY MENTIONED IN THE SCHEDULE OR ENDORSED THERETO**

### **PENTING / IMPORTANT**

Peserta hendaklah membaca Sijil ini dengan teliti dan jika terdapat sebarang kesilapan atau salah tafsiran di dalamnya, atau jika perlindungan tidak mengikut kehendak Peserta, Pengendali Takaful perlu diberitahu dengan serta-merta dan Sijil dikembalikan untuk diberi perhatian.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich General Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

*You shall read this Certificate carefully, and if any error or misdescription be found herein, or if the cover be not in accordance with your wishes, advice should at once be given to us and the Certificate returned for attention.*

*The benefit(s) payable under eligible product is protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact Zurich General Takaful Malaysia Berhad or PIDM (visit [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).*

### **Zurich General Takaful Malaysia Berhad**

Registration No. 201701045981 (1260157-U)  
Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622  
[www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my)

